

# Perihal Kosakata Budaya dalam Bahasa Melayu

Oleh S. NATHESAN

Umumnya, kosakata atau leksikon merujuk sejumlah perkataan yang terdapat dalam sesuatu bahasa. Biasanya, semua perkataan tersebut akan dirakamkan dalam kamus yang diterbitkan dalam bahasa berkenaan. Kosakata bahasa Melayu penuh dengan pelbagai jenis, termasuk kosakata yang ada hubung kait dengan budaya. Umumnya, kata budaya digunakan sebagai istilah untuk merujuk keseluruhan cara hidup manusia. Budaya pula ditakrifkan dalam *Kamus Inggeris-Melayu Dewan* (2012) sebagai cara berfikir, kepercayaan dan adat yang diterima serta diamalkan oleh seseorang atau sesuatu kelompok masyarakat. Budaya juga dapat diertikan sebagai sejumlah idea, adat, ilmu, seni yang dikongsi bersama oleh ahli sekumpulan tertentu.

Sementara itu, *Cambridge Online Dictionary* mentakrifkan budaya sebagai cara hidup, terutamanya adat dan kepercayaan umum tentang sekumpulan atau orang tertentu pada masa yang tertentu. Dalam *Glossary*

of *Cross-Cultural Terms*, budaya didefinisikan sebagai nilai, norma, tradisi, adat, seni, sejarah, budaya rakyat (*folklore*) dan institusi yang dikongsi bersama oleh sekumpulan orang. *The New Penguin Encyclopedia* (2003) pula menerangkan budaya sebagai *the way of life of a group of people, consisting of patterns of behaviour and thought passed on from one generation to the next*.

Taylor (1871), ahli antropologi Inggeris yang ternama, dalam *Primitive Language* mendefinisikan budaya sebagai *“that complex whole which includes knowledge, belief, art, morals, law, custom, and any other capabilities and habits acquired by man as a member of society”*. Hal yang sedemikian ini bermakna budaya mencakupi ilmu, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, adat dan apa-apa sahaja keupayaan dan tabiat yang diperoleh manusia sebagai ahli masyarakat.

## Pemerolehan Kosakata Budaya

Bagaimanakah kosakata budaya diketahui atau dipelajari oleh

manusia? Kosakata budaya biasanya diperoleh dan dipelajari oleh manusia sebagai ahli dalam satu-satu masyarakat yang mengamalkan budaya tersebut. Hal ini juga merujuk proses yang disebut pembudayaan atau *enculturation*. Budaya juga dipelajari atau diajarkan oleh ahli keluarga, atau diketahui sebagai ahli anggota dalam masyarakat berkenaan. Segala hal yang bersangkut paut dengan budaya seperti ilmu, kepercayaan, seni, peraturan, moral, adat resam, kemahiran dan tabiat atau kebiasaan diasuh oleh ahli keluarga dan masyarakat.

Manusia mencipta banyak perkataan dalam bahasa pertuturan mereka untuk memerihalkan budaya. Demikian juga masyarakat Melayu tradisional sudah mencipta atau menggunakan sebilangan besar perkataan yang menerangkan hal-hal yang bersangkut paut dengan budaya mereka. Kebanyakan perkataan tersebut sudah digunakan sejak turun-temurun oleh masyarakat Melayu dan pengguna bahasa Melayu. Selain itu, ada juga perkataan yang

diterima masuk dalam bahasa Melayu selaras dengan peredaran zaman, khususnya apabila berlaku pertembungan budaya Melayu dengan budaya lain. Hal yang sedemikian ini akan diuraikan lebih lanjut kemudian.

## Senarai Kosakata Budaya dalam Bahasa Melayu

Seperti yang dijelaskan pada awal makalah, bahasa Melayu kaya dengan perkataan yang berkaitan dengan budaya. Perhatikan antara sebilangan perkataan kebudayaan dalam bahasa Melayu dalam *Jadual 1* yang dipetik daripada *Kamus Dewan* (2016).

Berdasarkan senarai tersebut, kosakata dapat dimasukkan dalam beberapa subkelompok budaya, seperti adat, agama, dan kekeluargaan, kepercayaan, nilai, pakaian dan perkahwinan. Oleh hal yang demikian, terdapat pertindihan kosakata antara beberapa subbidang budaya Melayu. Misalnya, kata *keluarga* menjadi kosakata budaya dan termasuk juga dalam subbidang kekeluargaan manakala *kasta* pula termasuk dalam kosakata budaya dan sosiologi. Barangkali beberapa perkataan subbudaya dapat digambarkan seperti dalam *Rajah 1*.

Dalam setiap subbudaya tersebut ada perkataan khusus yang memerihalkan aspek budaya. Perhatikan antara sebilangan perkataan Melayu dalam subbudaya yang berkenaan dalam *Jadual 2*. Antara subbudaya yang termasuklah adat, agama atau kepercayaan, kekeluargaan, idelologi, nilai, pakaian, perkahwinan, dan warna.

Jadual 1 Kosakata budaya.

adat	budaya	etos	sopan santun
etika	akad nikah	tabu	peradaban
etnik	cer	akhlak	pakaian
budaya lepak	budi bahasa	moral	tertib
pangkat	pantang larang	hormat	nilai
perkahwinan	status	asimilasi	takzim
bilal	ketua kampung	sami	suku kaum
Tuhan	hak	dowri	endogami
keluarga	salam	kuil	negara
purdah	ceongsam	sari	sarung
poligami	animisme	barter	sumat
jenayah	wang	pak cik	wang
rasul	nabi	jwa	jarinya
gender	sanak-saudara	prasangka	kebaya
dialek	ras	masyarakat	agama
kaum kerabat	biras	bahasa badan	kultus

Sumber: *Kamus Dewan*, 2016.

Jadual 2 Kosakata budaya.

adat	budi pekerti, sopan, akal budi, kapan, pantang larang, nikah.
agama atau kepercayaan	angpau, doa, puasa, zikir, ilmu sihir, upacara.
ideologi	komunisme, animisme, demokrasi, kediktatoran, sosialisme.
kekeluargaan	datuk, nenek, ibu mentua, biras, moyang
nilai	muafakat, kerajinan, bertolak-ansur, budi bahasa, kerjasama.
pakaian	semping, sari, doti, baju, ceongsam, blaus, tudat.
perkahwinan	cerai, talak, pengantin, akad nikah, dowri, hantaran.
warna	hitam, putih, ungu, kuning, coklat, biru.



Rajah 1 Kosakata budaya dan subbudayanya.

## Akulturası difahami sebagai proses menyerap unsur-unsur kebudayaan daripada suatu budaya kepada budaya lain. Contohnya, daripada budaya Arab kepada budaya Melayu. Banyak perkataan budaya Arab masuk ke dalam bahasa Melayu setelah Islam mula bertapak di Nusantara.

### Kosa Kata Budaya yang Baharu

Dengan peredaran zaman dan proses globalisasi, banyak perkataan baharu yang ada kaitan dengan budaya asing terserap dalam bahasa Melayu. Antara kosa kata tersebut yang diterima masuk dalam bahasa Melayu termasuklah perkataan seperti **anarkisme, bohan, budaya kuning, globalisasi, dan pagan**. Adakala beberapa kata asing dipinjam sebagai kata alternatif bagi perkataan budaya yang sedia wujud, seperti **famili, dialek, gender dan materialisme untuk keluarga, loghat, jantina dan kebendaan**.

Kalau diperhatikan kosa kata yang dimuatkan dalam kamus seperti *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016), akan ditemukan banyak perkataan baharu yang

Jadual 3 Kosa kata budaya baharu.

amaturlisme	anomi	cef	dating
demogogi	desuetude	gangsterisme	hamburger
hospitaliti	jakuзі	jati diri	jilbab
kaizen	kutlet	kultus	loleng
mozardo	neutralisasi	nuget	origami
pandemik	papadam	populis	sanitasi
serigali	silambam	sosiolit	taici
viagra	yakuza	wafel	zum

### Ciri-ciri Kosa Kata Budaya

Kosa kata dalam setiap bidang ada ciri-ciri tertentu. Pertama, daripada segi pembentukannya, didapati kosa kata budaya terdiri daripada kata tunggal dan kata majmuk. Contohnya, **magis** merupakan kata tunggal manakala **adat resam** ialah kata majmuk. Kebanyakan perkataan budaya terdiri daripada kata nama kerana kebanyakan perkataan tersebut menerangkan sesuatu konsep atau gagasan tertentu. Misalnya, kata **bohsia** merupakan panggilan bagi remaja perempuan yang mempunyai kelakuan yang tidak senonoh.

Kedua, kosa kata budaya Melayu didapati telah ditambah dari semasa ke semasa melalui dua cara yang utama, iaitu pembelajaran dan akulturası. Akulturası difahami sebagai proses menyerap unsur-unsur kebudayaan daripada suatu budaya kepada budaya lain. Contohnya, daripada budaya Arab kepada budaya Melayu. Banyak perkataan budaya Arab masuk ke dalam bahasa Melayu setelah Islam mula bertapak di Nusantara.

Antara kosa kata budaya Arab dalam bahasa Melayu termasuklah yang berkaitan dengan agama dan kepercayaan. *Za'ba* (1965) dalam *Ilmu Mengarang Melayu* menyenaraikan **rukun, batal, haram, fardu dan munafik** sebagai kata-kata yang berkaitan dengan agama. Beliau juga turut menjelaskan bahawa kata-kata seperti **khalwat, maut, jenazah, takziah, dan waris** adalah berkaitan dengan adat.

Demikian juga akibat penjajahan, bahasa Melayu telah menerima perkataan-perkataan baharu yang ada hubung kait dengan budaya daripada bahasa

Portugis, Belanda dan Inggeris. Kata-kata budaya seperti **bendera, gereja, dan pesta** merupakan kata pinjaman Portugis manakala kata seperti **duit, gaji, kamar dan muzik** pula datang daripada bahasa Belanda.

Dewasa ini, banyak perkataan Inggeris yang berkaitan dengan budaya telah masuk ke dalam bahasa Melayu akibat pertembungan dan pengaruh bahasa Inggeris. Kata Inggeris seperti **demokrasi, feminisme, gay, ideologi, dan pencen** merupakan antara kata pinjaman yang berkaitan dengan budaya yang telah dipinjam daripada bahasa Inggeris.

Dalam hal ini, Wardhaugh dalam *Introduction of Sociolinguistics* (2002) menjelaskan bahawa budaya mempunyai kemampuan dan kebebasan untuk mencipta atau meminjam perkataan yang diperlukan untuk budaya tersebut. Misalnya, oleh sebab tidak wujud konsep **almari** dalam budaya Melayu, maka dipinjam kata **almari** daripada kata Portugis. Demikian juga konsep baharu seperti **budaya kuning** dicipta untuk mengungkap hal yang belum ada atau tidak wujud dalam budaya Melayu berdasarkan konsep yang sedia ada dalam budaya asing, iaitu *yellow culture* dalam bahasa Inggeris.

### Hubungan Budaya dan Bahasa

Hubungan budaya dan bahasa adalah amat intim (Sapir dalam *Language*, 1929). Cara masyarakat menggunakan bahasa, iaitu kosa kata budaya itu akan memperlihatkan pegangan mereka akan nilai budaya mereka. Maknanya, perkataan yang digunakan oleh masyarakat akan menunjukkan nilai hidup

## Bahasa bukan sahaja menjadi kunci kepada budaya lampau, malah menjadi kunci kepada budaya terkini dalam kemampuannya untuk menyatakan hal-hal yang difikirkan, dipercayai dan difahami oleh ahli-ahli masyarakat tersebut.

yang dipegang oleh masyarakat. Contohnya, dalam budaya Melayu, aspek kesopanan amat diutamakan dalam tutur kata masyarakat Melayu. Dengan hal yang demikian, terciptalah banyak perkataan yang membayangkan aspek kesopanan dalam masyarakat Melayu, seperti dalam perkataan **adab, adat, budi pekerti, budi bahasa, sopan santun dan tatasulila**.

Bahasa bukan sahaja menjadi kunci kepada budaya lampau, malah menjadi kunci kepada budaya terkini dalam kemampuannya untuk menyatakan hal-hal yang difikirkan, dipercayai dan difahami oleh ahli-ahli masyarakat tersebut. Cara masyarakat menggunakan bahasa dalam budaya mereka membayangkan *weltanschauung* atau pandangan hidup masyarakat berkenaan. Misalnya, warna menjadi gambaran persepsi masyarakat yang digunakan oleh mereka. Warna kuning, umpamanya merupakan warna larangan dalam kalangan masyarakat Melayu kerana warna kuning ialah warna diraja. Walau bagaimanapun, kini penggunaan warna kuning sudah menjadi agak longgar dalam kalangan masyarakat Melayu kerana warna kuning sudah mula digunakan oleh masyarakat umum.

Demikian juga warna hijau menjadi warna suci dan kudus kerana dihubungkan dengan

agama Islam. Warna putih pula, secara universal dianggap melambangkan kesucian, keamanan, kesejahteraan oleh semua masyarakat dunia. Setiap warna membawa tanggapan yang berbeza-beza dalam budaya masing-masing. Kini, kepentingan budaya dalam bahasa menjadi semakin perlu sehingga lahirnya suatu bidang khusus, iaitu kajian bahasa sebagai sumber budaya dan pembicaraan sebagai amalan budaya (Duranti, 1997 dalam *Linguistic Anthropology*).

Demikianlah perbincangan perihal kosa kata yang terdapat dalam bahasa Melayu, iaitu kosa kata budaya secara komprehensif. Seperti yang dijelaskan oleh Sapir, bahasa tidak boleh wujud secara terpisah daripada budaya, malah bergabung secara sosial untuk wujud dalam bahasa. Kajian secara khusus tentang beberapa aspek kosa kata dalam bahasa termasuk dalam kajian bidang leksikologi, iaitu cabang ilmu linguistik yang menyiasat, menghuraiakan dan membina teori tentang kosa kata (Jackson dan *Zé Ambela* dalam *Words, Meaning and Vocabulary*, 2007). Justeru, leksikologi bukan sahaja mengenal pasti perkataan dalam beberapa subbidang dalam bahasa, tetapi turut menghuraikan ciri-ciri kosa kata yang tertentu dalam bidang-bidang tertentu, seperti yang dibahaskan dalam perbincangan ini. **OB**